



PANDUAN KEPADA PEMOHON PERMOHONAN SEBAGAI JURUAUDIT SYARIKAT YANG DILULUSKAN

Syarat-syarat permohonan sebagai Juruaudit Syarikat yang diluluskan:-

1. Pemohon telah lulus mana-mana peperiksaan akhir berdasarkan Bahagian I, Jadual I, Akta Akauntan 1967; **ATAU** telah menjadi ahli mana-mana badan profesional seperti di Bahagian II, Jadual I, Akta Akauntan 1967;
2. Pemohon mestilah menjadi ahli Institut Akauntan Malaysia (IAM) bertaraf **Akauntan Bertauliah**;
3. Pemohon mestilah mempunyai Sijil Amalan (*Practising Certificate*) yang sah dari MIA;
4. Pemohon mestilah mempunyai lima (5) tahun pengalaman kerja terkumpul secara sepenuh masa termasuk sebelum dan selepas menjadi Ahli MIA, iaitu:
 - 4.1 sekurang-kurangnya satu (1) tahun pengalaman kerja setelah menjadi ahli MIA;
 - 4.2 sekurang-kurangnya tiga (3) tahun daripada lima (5) tahun pengalaman kerja dalam praktis audit; dan
 - 4.3 satu (1) tahun praktis audit (daripada 3 tahun) hendaklah berperanan sebagai Penyelia Audit. Penyelia Audit bermaksud menyelia, mengurus dan mengawal proses auditan termasuk penyediaan laporan kewangan dan perancangan audit.
5. Pemohon kali pertama disyaratkan untuk menghadiri *Public Practice Programme* yang dianjurkan oleh MIA. Sijil kehadiran tersebut hendaklah belum tamat tempoh semasa permohonan dibuat;
6. Pemohon yang mempunyai pengalaman dalam bidang pengauditan tetapi tidak lagi terlibat dalam amalan audit masih layak memohon jika dia:
 - 6.1 meninggalkan amalan audit dalam tempoh tidak lebih tiga (3) tahun dari tarikh permohonan; atau
 - 6.2 meninggalkan amalan audit lebih dari tiga (3) tahun tetapi mempunyai sekurang-kurangnya satu (1) tahun pengalaman kerja dalam praktis audit di dalam persekitaran Malaysia sebelum mengemukakan permohonan baharu; atau

7. Pemohon yang mempunyai pengalaman audit di firma audit luar negara juga boleh dipertimbangkan dengan syarat pemohon telah menjalankan amalan audit sekurang-kurangnya satu (1) tahun di dalam persekitaran Malaysia secara sepenuh masa.

TATACARA PERMOHONAN KELULUSAN BAHARU JURUAUDIT SYARIKAT

1. Pemohon perlu melakukan perkara berikut:
 - (i) daftar di dalam *Business Licensing Electronic Support System* (BLESS) melalui <http://www.bless.gov.my/bless>;
 - (ii) kemukakan permohonan untuk kelulusan Juruaudit Syarikat melalui BLESS;
 - (iii) muat naik salinan sijil yang berkaitan serta sijil amalan yang telah disahkan;
 - (iii) muat naik surat penaja daripada pemegang lesen Juruaudit Syarikat yang sah; dan
 - (iv) bayar RM100 secara elektronik setelah lulus temuduga.
2. Proses kelulusan baharu Juruaudit Syarikat dianggarkan mengambil masa tidak melebihi empat (4) bulan. Jabatan Akauntan Negara Malaysia akan memaklumkan tarikh temuduga kepada pemohon yang layak dua (2) minggu sebelum sesi temuduga.
3. Surat kelulusan akan dikeluarkan kepada pemohon yang berjaya dalam tempoh empat belas (14) hari bekerja dari tarikh temuduga dijalankan.

Pemohon Yang Berjaya:

- a) Pemohon yang berjaya temuduga dikehendaki membuka firma audit dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh Surat Kelulusan, atau kelulusan tersebut akan terbatal jika gagal berbuat demikian; atau
- b) Sekiranya pemohon bercadang untuk menjadi rakan kongsi bagi mana-mana firma audit, beliau perlulah berbuat demikian dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh Surat Kelulusan; dan
- c) Pemohon perlu menghantar kepada Jabatan Akauntan Negara Malaysia perkara-perkara berikut:-
 - i. Salinan surat peruntukan nombor firma yang dikeluarkan oleh SSM;
 - ii. Salinan borang dibawah Seksyen 265(4) Akta Syarikat 2016 yang telah disahkan oleh SSM; dan
 - iii. Salinan kad pengenalan yang disahkan.



PANDUAN KEPADA PEMOHON PERMOHONAN PEMBAHARUAN KELULUSAN SEBAGAI JURUAUDIT DAN/ATAU PENYELESAI SYARIKAT

Syarat-syarat untuk permohonan pembaharuan kelulusan sebagai Juruaudit dan/atau Penyelesai Syarikat:-

1. Permohonan pembaharuan kelulusan boleh dikemukakan dalam tempoh tiga (3) bulan atau tidak lewat dua (2) bulan dari tarikh tamat tempoh kelulusan terdahulu melalui BLESS.
2. Pemohon dikehendaki mematuhi **syarat khusus** yang ditetapkan oleh agensi kawal selia yang berkaitan dan permohonan pembaharuan tersebut perlu mendapat sokongan agensi terlebih dahulu.

TATACARA PERMOHONAN PEMBAHARUAN KELULUSAN SEBAGAI JURUAUDIT DAN/ATAU PENYELESAI SYARIKAT

1. Pemohon perlu melakukan perkara berikut:
 - (i) daftar di dalam *Business Licensing Electronic Support System* (BLESS) melalui <http://www.bless.gov.my/bless>;
 - (ii) kemukakan permohonan untuk pembaharuan kelulusan Juruaudit dan/atau Penyelesai Syarikat melalui BLESS;
 - (iii) muat naik borang akuan berkanun ditandatangani oleh Pesuruhjaya Sumpah;
 - (iii) muat naik salinan resit yuran tahunan semasa yang dibayar ke MIA;
 - (iv) muat naik salinan resit yuran pembaharuan sijil amalan terkini yang dibayar kepada MIA; dan
 - (v) membuat bayaran fi (RM 100/- untuk kelulusan Juruaudit Syarikat dan RM 50/- untuk kelulusan Penyelesai Syarikat) secara elektronik melalui BLESS seperti diminta oleh pentadbir BLESS Jabatan Akauntan Negara Malaysia.
2. Proses pembaharuan kelulusan dianggarkan mengambil masa tidak melebihi tiga (3) bulan.

KESAN SEKIRANYA LEWAT MENGEMUKAKAN PERMOHONAN DALAM TEMPOH YANG DITETAPKAN

1. Permohonan pembaharuan yang dikemukakan lewat dari tempoh sepatutnya tetapi tidak melebihi satu (1) tahun akan mengakibatkan tempoh kelulusan tidak bersambung dan akan diberikan tarikh kelulusan yang baharu.
2. Permohonan pembaharuan yang dikemukakan selepas satu (1) tahun dari tarikh tamat tempoh kelulusan terdahulu menyebabkan pemohon perlu membuat permohonan kelulusan baharu melalui BLESS dan menjalani sesi temu duga semula.

Pegawai Yang Boleh Dihubungi:

Attn : En. Mohamed Syamsuddi bin Mohamed Shamsudin
Tel : 03-8882 1118
E-mail: syamsuddi@anm.gov.my

Attn : En. Mohamad Saiful Nizam Khan Bin Abdul Sattar
Tel : 03-8882 1172
E-mail: snizam.sattar@anm.gov.my

Attn : En. Mohamad Fareez bin Abdul Wahab
Tel : 03-8882 1194
E-mail: fareez.wahab@anm.gov.my

Fax : 03-8882 1042/1051
Laman web: www.anm.gov.my

Unit Kemajuan Profesion
Bahagian Pembangunan Perakaunan dan Pengurusan
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Kompleks Kementerian Kewangan
No.1, Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62594 WP Putrajaya.